

Headline	Guna Facebook pilih kursus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	48	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	Azman Che Man	AdValue	RM 2,860
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,579



Guna Facebook pilih kursus

Punca permohonan calon IPT ditolak kerana tidak penuhi syarat kelayakan

■ AZMAN CHE MAN

TANAH MERAH - Trend baharu calon yang memohon untuk memasuki universiti menggunakan input daripada laman sosial *Facebook* tanpa memahami syarat kelayakan antara punca permohonan mereka ditolak.

Pengarah Bahagian Pengambilan Pelajar, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Mohd Nizam Nordin berkata, trend itu menyebabkan ramai calon keliru mengenai kursus yang selayaknya dipohon ketika membuat permohonan.

Beliau berkata, calon terbabit sepatutnya terlebih dahulu memahami dan memastikan kursus

yang dipohon benar-benar memenuhi syarat daripada sumber yang sah.

"Calon maklumkan sikit dalam *Facebook* dan orang bagi input supaya mohon kursus tertentu sedangkan dia tidak tengok asas sebenarnya

iaitu perlu memenuhi syarat.

"Ada calon yang buat permohonan untuk lapan kursus pilihan dan semuanya tidak penuhi syarat, ini hanya merugikan mereka," katanya pada program Taklimat Kemasukan ke UiTM, di sini, semalam.

Menurutnya, punca lain permohonan ditolak ialah calon membuat pilihan program atau kursus

pengajian berdasarkan minat tetapi tidak mengikut syarat kelayakan akademik.

Bagi mengatasi kekeliruan itu katanya, UiTM membangunkan satu sistem untuk memudahkan calon menyemak syarat kelayakan dan memahami program yang layak dipohon.

"Harapan kita, calon menggunakan sistem selangkah.uitm.edu.my bagi memudahkan mereka memahami program yang layak atau tidak layak dimohon.

"Dengan sistem ini calon hanya perlu memasukkan keputusan

peperiksaan dan sistem akan meletakkan program mana yang cukup syarat dan mana yang tidak cukup syarat," katanya.

“ Dengan sistem ini calon hanya perlu memasukkan keputusan peperiksaan dan sistem akan meletakkan program mana yang cukup syarat dan mana yang tidak cukup syarat.”
- Mohd Nizam

Headline	Guna Facebook pilih kursus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	48	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	Azman Che Man	AdValue	RM 2,860
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,579



Sebahagian pegawai UiTM dan peserta pada program Taklimat Kemasukan ke UiTM di Tanah Merah, semalam.